

PEMBUKAAN SEMULA MASJID, SURAU DAN BALAI-BALAI IBADAT UNTUK MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT PADA HARI JUMAAT 29HB MEI 2020M

BERAKAS, 18HB MEI 2020M, ISNIN –

1. Sebagaimana yang telah dimaklumi sebelum ini bahawa semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini akan dibuka semula bermula pada hari Jumaat, 6 Syawal 1441 bersamaan 29 Mei 2020 iaitu dihadkan untuk sembahyang fardhu Jumaat sahaja. Manakala bagi sembahyang fardhu 5 waktu masih belum dapat dijalankan.

Maka bagi tujuan tersebut Majlis Ugama Islam telah bersidang pada hari Sabtu 16 Mei 2020 bagi menghalusi persiapan-persiapan penggunaan Masjid-Masjid, Surau-Sarau dan Balai-balai Ibadat iaitu dengan ketiadaan kecemasan yang berbangkit dan juga mengambil kira keterangan daripada Kementerian Kesihatan dan nasihat Hukum Syarak. Keputusan Majlis telah disebarkan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pembukaan masjid, surau dan balai-balai ibadat akan dilaksanakan secara berperingkat dalam empat tahap. Tahap Pertama akan berjalan selama dua minggu merangkumi tiga kali Jumaat iaitu pada 29hb Mei 2020M, 5hb dan 12hb Jun 2020M. Apabila tiada berlaku kes-kes jangkitan pada tempoh tersebut, perkiraan akan beralih kepada Tahap Kedua iaitu termasuk penggunaan untuk sembahyang fardhu lima waktu dengan beberapa peraturan yang ditetapkan, antaranya masjid dibuka 10 minit sebelum azan dan ditutup 10 minit selepas selesai sembahyang berjemaah disamping memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kita akan menggunakan aplikasi BruHealth sebagai sistem kawalan bagi menentukan tahap kesihatan seseorang untuk bersembahyang di masjid. Tatacara penggunaannya adalah sebagaimana yang diberigakan oleh Kementerian Kesihatan dan pemberigaan seterusnya yang akan dilaksanakan iaitu berupa Panduan Sembahyang Berjemaah Di Masjid Bagi Membendung Penularan Wabak COVID-19. Dalam pada itu untuk

melancarkan kehadiran dan mengelakkan dari jangkitan, orang ramai adalah dikehendaki untuk berwudhu dari rumah, membawa sejadah sendiri dan memakai **mask**. Mana-mana orang yang berisiko tinggi yang telah ditentukan melalui aplikasi BruHealth, kanak-kanak berumur dibawah 15 tahun dan perempuan adalah juga tidak dibenarkan pada tahap pertama, kedua dan ketiga. (Slide Eposter)

3. Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana telah mengizinkan kita untuk membuka semula masjid bagi menunaikan ibadat sembahyang fardu jumaat setelah beberapa Jumaat ianya ditinggalkan berdasarkan hukum syarak iaitu ada uzur syarie. Dalam hubungan ini, marilah kita memahami keadaan sebenar yang telah berlaku. Walaupun kita akan mula menggunakan semula masjid, kita hendaklah terus berwaspada untuk mengelakkan jangkitan yang tidak terkawal terutamanya dengan kita mematuhi peraturan-peraturan ke masjid dalam tahap pertama, kedua, ketiga dan keempat. Mudah-mudahan kitani akan dapat melalui tahap-tahap ini dengan selamatnya hinggalah masjid-masjid dibuka semula seperti biasa.

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/MEI/2020

Tarikh: 23hb Ramadhan 1441H bersamaan 18hb Mei 2020M